

25 FEB 1997

Mohamed-Cuba

BN KUKUHKAN IKATAN KUALA LUMPUR-HAVANA

Oleh: Azman Hashim

HAVANA (Cuba) 25 Feb (Bernama) -- Misi peringkat tinggi Barisan Nasional (BN) ke sini mencatat sejarah sebagai pertemuan bersemuka pertama antara barisan pemimpin kedua-dua negara memandangkan selama ini hubungan mereka hanya terhad pada forum-forum antarabangsa.

Ia sekali gus membuka jalan untuk hubungan yang lebih bermakna antara Kuala Lumpur dan Havana di sebalik sekatan yang dikenakan oleh Amerika Syarikat terhadap negara Caribbean itu.

Barisan pemimpin Malaysia yang diwakili oleh empat parti komponen pemerintah itu turut mencapai kejayaan cemerlang dalam hubungan politik dengan Havana meskipun berbeza dari segi falsafah dan kepercayaan politik.

Kedua-dua negara yang tidak mempunyai perwakilan diplomatik di ibu negara masing-masing kini boleh membina hubungan lebih mesra berasaskan hasil misi yang diketuai Setiausaha Agung BN Datuk Mohamed Rahmat itu.

Mohamed, Menteri Penerangan, pada persidangan berita di Lapangan Terbang Jose Marti di sini berkata landasan untuk hubungan antara para pemimpin telah terbina dan kini terserah kepada mereka terutamanya pemimpin muda untuk memperbaiki dan mengukuhkan usaha yang dimulakan parti pemerintah itu.

Beliau meninggalkan ibu negara Cuba ini selepas mengetuai lawatan lima hari di sini, yang pertama pernah dilakukan oleh pemimpin Malaysia.

Antara yang menyertai delegasi itu ialah anggota Majlis Tertinggi Umno Tan Sri Hussein Ahmad, Naib Presiden MCA Ong Ka Ting, Setiausaha Agung MIC Tan Sri G. Vadiveloo, Setiausaha Agung Gerakan Tan Sri Chan Choon Tak dan dua orang usahawan Malaysia.

"Kita telah mencapai sasaran kita dan kini biarlah yang lain meneruskan dari sini," katanya.

Beliau berkata lawatan itu dilakukan dengan penuh kesedaran tentang perlunya mengukuhkan hubungan dengan negara-negara membangun tanpa mengira sistem politik, ideologi dan sistem kerajaan mereka.

"Tidak lama lagi kita akan menyaksikan lebih banyak rakyat Malaysia terutamanya pemimpin politik kita, di dunia sebelah sini," katanya.

Acara bagi lawatan yang turut mendapat publisiti meluas daripada media tempatan itu termasuk pertemuan antara anggota rombongan dengan tokoh kabinet Presiden Fidel Castro.

Kemuncaknya ialah pertemuan selama 90 minit antara anggota rombongan itu dengan pemimpin revolusi berusia 71 tahun itu di markas Parti Komunis Cuba.

Menurut Mohamed, Castro kagum dengan kemajuan yang dicapai Malaysia dan kedudukan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di arena antarabangsa.

Setiausaha Agung BN itu turut memuji kualiti kepimpinan Castro yang jelas kelihatan melalui perpaduan, kestabilan politik dan pembangunan negara sosialis ini.

Mohamed turut menyampaikan jemputan Dr Mahathir kepada Castro untuk mengunjungi Malaysia dan ia diterima oleh pemimpin Cuba itu.

Lawatan delegasi itu juga membuka jalan untuk kalangan usahawan Malaysia ke Cuba yang menawarkan peluang yang luas kepada pelabur asing.

Sehingga ini usahawan Ainuddin Ahmad Nordin yang telah mengatur lawatan ini, sudah bertapak di sini melalui pelaburan dalam pembangunan hartanah dan industri biokimia. -- BERNAMA

AH HJ NMO

